



TERMA DAN SYARAT

RIZQI JAYA TRADING

(RizQi Stamp Labuan)

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Ogos 2026 Versi: 1.0

Sila baca terma dan syarat ini dengan teliti sebelum membuat sebarang tempahan dengan Rizqi Jaya Trading. Dengan membuat tempahan, Pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini.

1. MAKLUMAT SYARIKAT

Nama Syarikat: **RIZQI JAYA TRADING**

No. Pendaftaran: **(SSM) 202303062587 (003476595-A)**

Tarikh Tamat Pendaftaran: **20 April 2027**

Alamat Premis : **Lot BTN0170D, Simpang Bukit Jamal, Kg. Sungai Bedaun, 87000 W.P. Labuan.**

No. WhatsApp Rasmi : **011-1075 8919**

Emel Jualan : **sales@rizqistamp.com**

Laman Web <https://rizqi.com.my> (<https://rizqi.com.my>)

Laman Web Tempahan: <https://rizqistamp.com> (<https://rizqistamp.com>)

Waktu Operasi: **ISNIN – SABTU, 9:00** pagi – **6:00** petang (MYT)

2. DEFINISI

Dalam terma dan syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:

"Syarikat" bermaksud Rizqi Jaya Trading (RizQi Stamp).

"Pelanggan" bermaksud mana-mana individu, syarikat atau organisasi yang membuat tempahan dengan Syarikat.

"Produk" bermaksud mana-mana cop getah, stamp pad, refill ink, atau aksesori yang dijual oleh Syarikat.

"Draft" bermaksud reka bentuk atau susun atur awal cop yang disediakan oleh Syarikat untuk semakan pelanggan.

"Tempahan" bermaksud pesanan yang telah disahkan oleh pelanggan dan pembayaran penuh telah diterima.

"Hari Perniagaan" bermaksud Isnin hingga Sabtu, tidak termasuk cuti umum Malaysia dan Cuti Wilayah Persekutuan Labuan.

3. TEMPAHAN DAN SEBUT HARGA

3.1. Sebut harga yang diberikan adalah sah selama 14 hari dari tarikh sebut harga, melainkan dinyatakan sebaliknya secara bertulis.

3.2. Harga yang dipamerkan di saluran jualan Syarikat (laman web, WhatsApp, media sosial) tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu. Harga muktamad adalah harga yang disahkan melalui sebut harga bertulis.

3.3. Penentuan saiz dan harga dibuat berdasarkan Kandungan teks / tulisan cop. Jenis cop yang dipilih Keperluan tambahan seperti logo, alamat, atau rekabentuk khas Pelanggan bersetuju memberikan maklumat yang lengkap dan tepat bagi membolehkan Syarikat memberikan sebut harga yang tepat.

3.4. Sebarang perubahan kepada skop tempahan selepas sebut harga asal mungkin menyebabkan perubahan harga.

4. PEMBAYARAN

4.1. Pembayaran penuh diperlukan sebelum Syarikat mula menyediakan draft dan proses pengeluaran.

4.2. Kaedah pembayaran yang diterima:

Pindahan Bank (Bank Transfer)


Pembayaran QR (QR Payment)

4.3. Butiran akaun bank akan diberikan melalui saluran rasmi Syarikat. Sebarang caj transaksi bank adalah tanggungan pelanggan.

4.4. Tempahan dianggap sah hanya selepas pembayaran penuh diterima dan disahkan oleh Syarikat.

4.5. Sebarang caj tambahan (express service, tracing logo, penghantaran) mesti dijelaskan sebelum pengeluaran dimulakan.

4.6. Untuk akaun korporat dengan terma kredit (NET 30), pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh invois, tertakluk kepada kelulusan kredit terlebih dahulu.



5. DRAFT DAN PENGESAHAN

- 5.1. Draft percuma akan disediakan selepas pembayaran penuh diterima.
- 5.2. Pengeluaran HANYA akan dimulakan selepas pelanggan memberikan pengesahan bertulis (melalui WhatsApp atau emel) bahawa draft adalah betul.
- 5.3. Pelanggan bertanggungjawab menyemak:
Ejaan dan susunan huruf
Nombor pendaftaran, alamat, nombor telefon
Kedudukan dan saiz elemen
Warna body (jika berkenaan)
Warna dakwat (jika berkenaan)
- 5.4. Selepas pengesahan diterima, Syarikat **TIDAK AKAN** menggantikan cop sekiranya terdapat sebarang kesilapan ejaan, maklumat atau reka bentuk pada cop siap. Sebarang pengeluaran semula akan dianggap sebagai tempahan baru dengan caj penuh.
- 5.5. Sekiranya pelanggan tidak memberikan maklum balas terhadap draft dalam tempoh 14 hari, tempahan dianggap dibatalkan dan bayaran tidak akan dikembalikan.

6. LOGO DAN HAK INTELEKTUAL

- 6.1. Pelanggan yang menghantar logo atau rekabentuk sendiri mengesahkan bahawa mereka memiliki hak atau kebenaran yang sah untuk menggunakan logo/rekabentuk tersebut.
- 6.2. Syarikat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan pihak ketiga berkaitan pelanggaran hak cipta, cap dagangan, atau hak harta intelek yang timbul daripada penggunaan logo atau reka bentuk yang dihantar oleh pelanggan.
- 6.3. Caj tambahan mungkin dikenakan untuk perkhidmatan tracing, editing atau penyesuaian logo, bergantung kepada tahap kesukaran. Caj ini akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum kerja dimulakan.
- 6.4. Syarikat berhak menggunakan hasil kerja (cop siap) untuk tujuan promosi, pemasaran, dan portfolio Syarikat melainkan pelanggan membuat permintaan bertulis sebaliknya.

7. TEMPOH SIAP (PRODUCTION TIMELINE)

Pilihan Caj
Tambahan Syarat
Express Service (Minimum 5 jam) +RM10/cop
Bayaran penuh sebelum jam 12:00 tengah hari
Keesokan Hari (sebelum 12:00 tengah hari) +RM5/cop

Pilihan Caj Tambahan Syarat

Keesokan Hari (selepas 3:00 petang) Tiada caj

7.1. Tempoh minimum pengeluaran selepas pembayaran dan pengesahan draft ialah 5 jam. Tempahan yang meminta tempoh siap kurang daripada 5 jam tidak akan diterima kerana faktor ketidakstabilan Bekalan Elektrik dan DLL.

7.2. Semua tempoh siap adalah panduan sahaja, bukan jaminan mutlak. Tempoh sebenar mungkin dipengaruhi oleh:

Jumlah order semasa

Gangguan bekalan elektrik

Kesukaran teknikal atau keadaan luar jangka

7.3. Sekiranya berlaku kelewatan yang ketara, Syarikat akan memaklumkan pelanggan secepat mungkin dan menawarkan pilihan:

(a) **Menunggu**, atau (b) **Pembatalan** dengan **Pemulangan** bayaran penuh.



8. PENGHANTARAN

8.1. Kawasan Labuan:

Perkhidmatan runner dengan caj **RM15.00**

Anggaran tempoh penghantaran: hari yang sama atau keesokan hari

8.2. Luar Labuan (**Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak**): Penghantaran melalui perkhidmatan courier Caj penghantaran adalah mengikut berat dan saiz parcel, ditanggung oleh pelanggan Risiko kehilangan atau kerosakan semasa dalam transit adalah tertakluk kepada terma syarikat courier.

8.3. Ambil Sendiri di premis Syarikat adalah percuma pada waktu operasi.

8.4. Pelanggan akan dimaklumkan apabila produk sedia untuk dihantar atau diambil.

8.5. Sebarang permintaan pengesahan (**Sign Off / Acknowledgement**) oleh bangunan, kawasan atau keselamatan adalah tanggungjawab pelanggan.

9. PEMULANGAN, TUKARAN DAN PEMBATALAN

9.1. Pembatalan oleh pelanggan sebelum draft disiapkan: pemulangan 80% daripada bayaran (10% ditahan sebagai yuran pemprosesan).

9.2. Pembatalan selepas draft disiapkan, sebelum pengeluaran: pemulangan 50% daripada bayaran (50% ditahan sebagai yuran reka bentuk dan pemprosesan).

9.3. Pembatalan selepas pengeluaran dimulakan: Tiada pemulangan wang. Produk yang telah siap boleh dihantar kepada pelanggan atau diambil sendiri.

9.4. Tukar ganti kerana kecacatan pengeluaran:

Laporan mesti dibuat dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan produk

Produk yang mengandungi kecacatan pembuatan (bukan kesilapan pelanggan) akan ditukar ganti tanpa caj tambahan. Kos penghantaran untuk tukar ganti ditanggung oleh Syarikat

9.5. **TIDAK** menerima pemulangan atau tukar ganti untuk:

Kesilapan ejaan, maklumat atau reka bentuk yang disahkan oleh pelanggan (rujuk Seksyen 5.4)

Kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan tidak wajar, penyimpanan atau pendedahan kepada cahaya matahari, haba atau bahan kimia. Produk yang telah digunakan selepas tempoh laporan 7 hari

9.6. Produk tersuai (custom) tidak layak untuk pemulangan melainkan terdapat kecacatan pembuatan.

10. WARANTI TERHAD

10.1. Syarikat menjamin Produk adalah bebas daripada kecacatan pembuatan pada masa penghantaran.

10.2. Waranti adalah terhadap kepada pembaikan atau penggantian produk yang rosak akibat kecacatan pembuatan, dan tidak melindungi kerosakan akibat:

Kehausan biasa (normal wear and tear)


Penggunaan tidak wajar

Pengisian dakwat yang salah (contoh: menggunakan ink yang tidak sesuai)

Pendedahan kepada keadaan melampau

10.3. Perkhidmatan Service / Repair Pad (untuk Self-Inking Stamp) disediakan dengan caj mengikut model:

REPAIR PAD untuk COP Self-inking Stamp	
Printer 20	RM12.00
Printer 30	RM15.00
Printer 40	RM18.00
Printer 50	RM20.00
Round 24	RM15.00
Round 30	RM18.00
Tempoh SIAP	1 Hari Bekerja



11. HAD LIABILITI

11.1. Liabiliti Syarikat terhadap mana-mana pelanggan adalah terhad kepada nilai Produk yang dibeli dalam transaksi tersebut.

11.2. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian tidak langsung, sampingan, khas atau berbangkit, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Kehilangan keuntungan atau pendapatan

Kehilangan perniagaan

Kehilangan atau kerosakan data

Kos penggantian produk atau perkhidmatan

11.3. Tanggungjawab Syarikat terhad kepada kesilapan yang dilaporkan dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan Produk.

12. DATA PERIBADI DAN PRIVASI

12.1. Maklumat peribadi yang dikumpulkan (nama, nombor telefon, alamat penghantaran, emel) digunakan hanya untuk tujuan pemprosesan tempahan, penghantaran, dan komunikasi berkaitan.

12.2. Syarikat tidak akan menjual, menyewa atau berkongsi maklumat peribadi pelanggan dengan pihak ketiga tanpa kebenaran pelanggan, kecuali diperlukan untuk:

Penghantaran produk (kongsi alamat dengan courier) Pematuhan undang-undang

12.3. Pelanggan boleh pada bila-bila masa meminta akses, pembetulan atau pemadaman data peribadi mereka dengan menghubungi Syarikat melalui saluran rasmi.

12.4. Dengan memberikan maklumat peribadi, pelanggan bersetuju dengan pemprosesan data tersebut mengikut terma dalam seksyen ini.

13. KETIDAKUPAYAAN MEMBAYAR (INSOLVENCY) & FORCE MAJEURE

13.1. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan atau kelewatan pelaksanaan Obligasi yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada: Gangguan bekalan elektrik Bencana alam (*Banjir, Gempa Bumi, Ribut*)

Wabak atau perintah sekatan pergerakan - Perintah kerajaan - Mogok atau tindakan industri

Gangguan sistem telekomunikasi atau internet - Kekurangan Bahan Mentah atau Bekalan

13.2. Sekiranya kejadian force majeure berterusan selama lebih daripada 14 hari, kedua-dua pihak berhak membatalkan tempahan dengan pemulangan penuh pembayaran untuk bahagian yang belum dilaksanakan.

14. ADUAN DAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

14.1. Sebarang aduan hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui:

WhatsApp: **011-1075 8919**

Emel: sales@rizqistamp.com

14.2. Syarikat akan memberikan maklum balas awal dalam tempoh 3 hari perniagaan dari tarikh aduan diterima.

14.3. Penyelesaian pertikaian akan diutamakan melalui perbincangan dan rundingan secara baik.

Sekiranya gagal, pertikaian akan dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (untuk transaksi B2C) atau mahkamah yang berkekuasaan di Sabah/Labuan (untuk transaksi B2B).

14.4. Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia.



15. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

15.1. Syarikat berhak untuk mengubah, meminda atau mengemas kini terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

15.2. Versi terkini terma dan syarat akan sentiasa tersedia di:

<https://rizqi.com.my/#terms> (<https://rizqi.com.my/#terms>)

15.3. Terma dan syarat yang berkuat kuasa pada tarikh tempahan dibuat akan terpakai untuk transaksi tersebut.

16. PERUNTUKAN AM

16.1. Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan lain akan terus berkuat kuasa.

16.2. Kegagalan Syarikat untuk menguatkuasakan mana-mana hak atau peruntukan tidak akan dianggap sebagai penepian hak tersebut.

16.3. Terma dan syarat ini membentuk keseluruhan persetujuan antara Syarikat dan pelanggan berkaitan subjek perkara di sini.

17. PENERIMAAN

Dengan membuat tempahan melalui mana-mana saluran jualan rasmi Rizqi Jaya Trading (WhatsApp, laman web, media sosial, atau secara langsung), pelanggan mengakui bahawa mereka: Telah membaca dan memahami keseluruhan terma dan syarat ini Bersetuju untuk terikat dengan semua peruntukan di dalamnya Memberikan kebenaran untuk Syarikat memproses data peribadi mengikut Seksyen 12

© 2026 RIZQI JAYA TRADING

Hak Cipta Terpelihara.

